

Dua individu dipenjara enam bulan kerana salah guna dadah

MIRI: Dua individu termasuk seorang wanita warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh, Frankie Empam, 35, dari Sungai Engkabang, Bekenu menjalani pengawasan pihak polis dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Manakala, Sherly yang berasal dari Indonesia dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang

sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, Mathias didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine, manakala Sherly menggunakan dadah Amphetamine, Ketamine, Methamphetamine, Methylenedioxy-amphetamine (MDA) dan 3,4-methyl-

enedioxy-methamphetamine (MDMA), yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234) dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu masing-masing pada jam 11.10 pagi, 8 Mei 2024 dan jam 3.30 pagi, 8 Disember 2025 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pertuduhan kes telah dibacakan secara berasingan kepada kedua-dua tertuduh.

Pendakwa kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.